



NEGERI SABAH

[JPAN.1400-4/3 JLD.4 (48)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.4/2026

ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan etiket pakaian dan penampilan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai awam negeri Sabah semasa bertugas.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan mengenai etiket pakaian pegawai awam negeri Sabah dinyatakan dalam Bab 12 Buku Arahan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang antara lain memperuntukkan seseorang pegawai memakai pakaian yang kemas dan sesuai semasa bertugas dengan mematuhi peraturan pakaian yang ditetapkan termasuk pegawai yang dikehendaki memakai pakaian seragam. Berikutan itu, sebanyak dua (2) panduan dalam bentuk Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran telah dikeluarkan bagi menjelaskan ketetapan ini iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1

“SABAH MAJU JAYA”

Tahun 2013 - Pemakaian *Two/Three - Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja bertarikh 27 November 2013 dan Surat Edaran Bil.JPAN:100-7/5 Klt.3 (100) - Pemakaian Batik Malaysia bertarikh 18 September 2023.

3. Bagi menambah baik dasar dan peraturan sedia ada serta meningkatkan imej dan profesionalisme perkhidmatan awam Negeri Sabah, satu panduan khusus yang baharu diwujudkan bagi menjelaskan kesesuaian berpakaian dan penampilan pegawai awam semasa bertugas. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.3: Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam dan disesuaikan mengikut keperluan negeri.

DEFINISI

4. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:

- a) **“Batik Malaysia”** bermaksud seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik dengan menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak;
- b) **“bertugas”** bermaksud hadir bagi apa-apa jua masa pada masa dan di tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugasnya;
- c) **“blaus”** bermaksud baju wanita yang longgar dan panjang melebihi paras punggung namun tidak melebihi paras lutut;
- d) **“majlis rasmi”** bermaksud majlis atau program rasmi yang tidak mempunyai elemen istiadat;

“SABAH MAJU JAYA”

- e) “**pakaian**” bermaksud sesuatu yang dipakai di seluruh badan termasuklah baju, seluar, kasut dan tanda nama;
- f) “**penampilan**” bermaksud kekemasan, kesopanan, kebersihan dan kesesuaian mengenai perihal kerapian diri, berpakaian dan berdandan;
- g) “**sedondon**” bermaksud sama warna atau corak pakaian; dan
- h) “**sepadan**” bermaksud sesuai dipasangkan atau digunakan bersama.

PELAKSANAAN

A. Pakaian Pegawai Lelaki Semasa Bertugas

5. Bagi pegawai lelaki, tatacara berpakaian semasa bertugas adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Pakaian Pegawai Lelaki Ketika Menjalankan Tugas

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(a)	<p>Pegawai Gred 5 dan ke atas atau gred setara:</p> <p>(i) Baju kemeja berlengan panjang, bertali leher dengan seluar panjang dan bertali pinggang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Lengan baju tidak dilipat serta baju kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (<i>tucked in</i>). • Baju kemeja polos atau corak tidak ketara. • Baju dan seluar hendaklah sepadan.

“SABAH MAJU JAYA”

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(ii)	Baju kemeja berlengan panjang berkolar Baju Melayu Cekak Musang atau berkolar Nehru atau berkolar Mandarin dengan seluar panjang dan bertali pinggang.	<ul style="list-style-type: none"> Lengan baju tidak dilipat.
(iii)	Sut Nehru	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah sedondon.
(iv)	<i>Lounge suit</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dipakai semasa majlis rasmi. Seluar dan jaket hendaklah sedondon.
(b)	Pegawai Gred 4 dan ke bawah atau gred setara:	<ul style="list-style-type: none"> Lengan baju tidak dilipat serta baju kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (<i>tucked in</i>). Baju dan seluar hendaklah sepadan.
(i)	Baju kemeja berlengan panjang atau pendek dengan seluar panjang dan bertali pinggang.	
(ii)	Baju kemeja berlengan panjang berkolar Baju Melayu Cekak Musang atau berkolar Nehru atau berkolar Mandarin dengan seluar panjang dan bertali pinggang.	<ul style="list-style-type: none"> Lengan baju tidak dilipat.
(iii)	Sut Nehru	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah sedondon.
(iv)	<i>Lounge suit</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dipakai semasa majlis rasmi. Seluar dan jaket hendaklah sedondon.
(c)	Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang. Kolar alternatif baju kemeja batik:	<ul style="list-style-type: none"> Digalakkan dipakai pada hari bekerja. Hanya batik Malaysia yang dibenarkan.
(i)	Berkolar cekak musang:	

“SABAH MAJU JAYA”

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(ii)	Berkolar Nehru; atau	<ul style="list-style-type: none"> Seluar batik atau kemeja batik berlengan pendek adalah tidak dibenarkan. Hendaklah dipakai dengan seluar yang sepadan. Lengan baju tidak dilipat serta kemeja hendaklah dilepaskan (<i>tidak tucked in</i>).
(iii)	Berkolar Mandarin.	
(d)	Baju Kebangsaan lengkap dengan samping dan bersongkok hitam.	<ul style="list-style-type: none"> Digalakkan dipakai pada setiap hari Jumaat. Baju dan seluar hendaklah sedondon.

6. Semua pegawai lelaki hendaklah memakai kasut bertutup, stoking dan tali pinggang berwarna gelap.

7. Contoh bergambar pakaian pegawai lelaki ketika menjalankan tugas adalah seperti di **Lampiran A**.

B. Pakaian Pegawai Wanita Semasa Bertugas

8. Bagi pegawai wanita, tatacara berpakaian ketika bertugas adalah seperti **Jadual 2**.

Jadual 2: Pakaian Pegawai Wanita Ketika Menjalankan Tugas

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(a)	Pakaian kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"> Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat.

“SABAH MAJU JAYA”

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
	(baju kurung tradisional/ baju kurung moden/ baju kebaya)	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mencolok mata.
(b)	Pakaian batik (i) Baju kurung tradisional/ baju kurung moden/ baju kebaya (ii) Blaus batik dipadankan dengan skirt labuh/ seluar polos (iii) Blaus polos dipadankan dengan skirt labuh batik	<ul style="list-style-type: none"> • Digalakkan dipakai pada setiap hari bekerja. • Hanya batik Malaysia yang dibenarkan. • Baju dan kain hendaklah sepadan. • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Tidak mencolok mata.
(c)	Pakaian lain adalah dibenarkan untuk majlis tertentu sahaja dengan kebenaran Ketua Jabatan iaitu: (i) Ceongsam; (ii) Sari; (iii) Baju Punjabi; (iv) Pakaian jubah; atau (v) Pakaian tradisional kaum-kaum yang lain di Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Berlengan panjang atau pendek. • Belahan Ceongsam bermula dari paras lutut ke bawah. • Sari hendaklah menutupi bahagian perut dan belakang badan. • Fesyen Jubah tidak keterlaluan dan tidak menggunakan fabrik yang jarang. • Had labuh kain di bawah paras lutut mengambil kira kedudukan semasa berdiri dan duduk. • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Tidak mencolok mata.

“SABAH MAJU JAYA”

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(d)	Blaus yang digayakan dengan kain/ skirt labuh atau seluar panjang.	<ul style="list-style-type: none"> • Blaus berlengan panjang. • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Kain/ skirt labuh yang terbelah tidak dibenarkan. • Blaus dan kain/ seluar panjang hendaklah sepadan. • Kemas, sopan dan bersesuaian.
(e)	Sut dua helai (<i>Two-piece suit</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jaket dipadankan dengan skirt labuh/ skirt di bawah paras lutut/ seluar panjang. • Skirt/ seluar dan jaket hendaklah sedondon.
(f)	Sut tiga helai (<i>Three-piece suit</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jaket yang dipakai dengan kemeja lengan panjang dan dipadankan dengan skirt labuh/ skirt di bawah paras lutut/ seluar panjang. • Skirt/ seluar dan jaket hendaklah sepadan.
(g)	Pakaian yang bersesuaian dan sopan bagi pegawai hamil	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Kain/ skirt labuh yang terbelah tidak dibenarkan.

9. Semua pegawai wanita hendaklah memakai kasut bertutup.

10. Contoh bergambar pakaian pegawai wanita ketika menjalankan tugas adalah seperti di **Lampiran B**.

“SABAH MAJU JAYA”

Pakaian Semasa Menghadiri Majlis Rasmi

11. Bagi tujuan menghadiri Majlis Rasmi, pegawai hendaklah memakai pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau penganjur bagi sesuatu majlis rasmi.

Pakaian Seragam

12. Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai pada masa bekerja bagi pegawai yang diwajibkan memakainya, seperti pemandu dan lain-lain.

Pakaian Lain

13. Ketua Jabatan boleh membenarkan pegawai memakai baju korporat atau baju kerja lapangan (*field-work*) pada hari tertentu untuk tujuan tertentu semasa bertugas.

14. Contoh bergambar pakaian lain (baju korporat atau baju kerja lapangan) adalah seperti di **Lampiran C**.

15. Ketua Jabatan juga boleh membenarkan pegawai memakai pakaian selain daripada yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini mengikut kesesuaian tugas dan aktiviti yang hendak dilaksanakan.

Pemakaian Tanda Nama

16. Setiap pegawai awam hendaklah sentiasa memakai tanda nama ketika bertugas berdasarkan ketetapan seperti berikut:

“SABAH MAJU JAYA”

- a) semua tanda nama hendaklah dibuat daripada plastik dengan huruf berwarna putih berlatarkan hitam dan berukuran 7.5 cm x 2.5 cm berserta Jata Negeri seperti contoh di bawah:



- b) penggunaan nama yang konsisten di tanda nama hendaklah digunakan sepanjang perkhidmatan. Sebagai contoh, bagi pegawai bernama Nur Halimah Amani, jika pegawai memilih nama "Halimah" untuk digunakan sebagai tanda nama, maka pegawai tersebut hendaklah menggunakan nama yang sama sepanjang perkhidmatan pegawai;
- c) Pemakaian nama pada tanda nama boleh melebihi daripada satu (1) perkataan seperti "Nur Halimah" dengan syarat bilangan huruf berkenaan tidak menyebabkan tulisan pada tanda nama terlalu kecil dan sukar dibaca dalam jarak empat (4) meter;
- d) apa-apa gelaran darjah kebesaran, keturunan, profesion, kelulusan akademik, nama bapa dan inisial (*initial*) tidak boleh dituliskan;
- e) nama jawatan dan logo Jabatan tidak boleh dimasukkan dalam tanda nama berkenaan;
- f) tanda nama hendaklah disematkan di pakaian di bahagian dada sebelah kiri (kecuali bagi pasukan beruniform tertentu); dan
- g) tanda nama hendaklah diasingkan dari pas keselamatan.

“SABAH MAJU JAYA”

17. Perolehan tanda nama bagi pegawai lantikan kali pertama dan bagi Jabatan yang terpaksa menukar tanda nama bagi mengikut ketetapan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini boleh menggunakan peruntukan Jabatan masing-masing. Kos penggantian tanda nama yang rosak atau hilang hendaklah ditanggung oleh pegawai.

18. Memandangkan Jata Negeri adalah hak Kerajaan Negeri Sabah, pemakaian tanda nama yang ditetapkan bersama Jata Negeri adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan penggunaannya dihadkan kepada Kementerian, Jabatan dan pegawai-pegawai Negeri apabila bertindak atas urusan rasmi masing-masing. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan-Badan Berkanun atau Pertubuhan-Pertubuhan Kebangsaan tidak boleh menggunakan Jata Negeri.

Ketetapan Penampilan Pegawai Awam

19. Semua pegawai awam hendaklah sentiasa berketerampilan seperti yang berikut:

- a) Menepati kesesuaian;
- b) pakaian sentiasa bersih dan kemas;
- c) rambut disisir rapi;
- d) panjang rambut asli tidak mencecah kolar baju kecuali bagi keperluan adat resam dan keagamaan (pegawai lelaki);
- e) janggut dan misai hendaklah dipotong kemas (dirapikan); dan
- f) bersolek dan berhias yang tidak keterlaluan.

“SABAH MAJU JAYA”

Pemakaian Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam Yang Dilarang

20. Pegawai awam adalah dilarang daripada pemakaian pakaian dan penampilan seperti yang berikut:

- a) pakaian mencolok mata seperti pakaian yang ketat, terdedah dan jarang sehingga menampakkan bentuk badan dan pakaian dalam;
- b) pakaian tidak berlengan;
- c) menutup muka (kecuali pemakaian pelitup muka atas sebab kesihatan atau keperluan tugas);
- d) pakaian dan aksesori dengan cetakan yang tidak sesuai seperti logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya;
- e) pakaian dari jenis denim (seperti jeans atau jaket), khakis, corduroy, kulit atau yang seumpamanya;
- f) selipar, sandal, capal dan kasut sukan (kecuali atas kesihatan atau terdapat keperluan mengikut kesesuaian tugas dan dibenarkan oleh Ketua Jabatan);
- g) dipadankan dengan aksesori, barang kemas atau perhiasan yang berlebihan;
- h) dipadankan dengan aksesori yang tidak bersesuaian seperti pegawai lelaki memakai subang (kecuali bagi tujuan adat resam dan keagamaan);

“SABAH MAJU JAYA”

- i) dandanan rambut dengan warna yang tidak sesuai bagi pegawai lelaki dan wanita seperti dandanan rambut berwarna merah, biru dan ungu (warna yang dibenarkan adalah coklat gelap sahaja);
- j) tren rambut *punk, qaza', skinhead* atau yang seumpamanya;
- k) panjang janggut melebihi 2 inci, jambang tidak dirapikan dan misai melebihi bahagian atas bibir;
- l) mencacah tatu atau menindik secara berlebihan di bahagian badan yang jelas kelihatan (kecuali bagi tujuan adat resam dan keagamaan); dan
- m) berkuku panjang, berwarna atau dihias secara berlebihan.

21. Contoh bergambar pakaian yang dilarang adalah seperti di **Lampiran D**.

TARIKH KUAT KUASA

22. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **4 Mei 2026**.

PEMBATALAN

23. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran seperti di bawah adalah **dibatalkan**.

- a) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013: Pemakaian *Two/Three - Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja; dan

“SABAH MAJU JAYA”

- b) Surat Edaran Rujukan Bil.JPAN:100-7/5 Klt.3 (100) bertarikh 18 September 2023: Pemakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

PEMAKAIAN

24. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

PERTANYAAN

25. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Governan dan Korporat, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPANS).

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : *26/4/26*

“SABAH MAJU JAYA”

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”

CONTOH BERGAMBAR ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI AWAM

Pakaian Pegawai Lelaki Ketika Menjalankan Tugas

1. Seluar panjang dengan baju kemeja ber lengan panjang bertali leher



2. *Lounge suit*



3. Seluar panjang dengan baju kemeja ber lengan pendek



4. Seluar panjang dengan baju batik Malaysia ber lengan panjang



5. Baju Kebangsaan lengkap dengan sampung dan bersongkok hitam



6. Sut Nehru



7. Seluar panjang dan baju kemeja ber lengan panjang

(iii) berkolar Baju Melayu Cekak Musang



(ii) berkolar Nehru



(i) berkolar Mandarin



8. Seluar panjang dan baju kemeja berlengan panjang dan berjaket:

(ii) berkolar Baju Melayu
Cekak Musang



(i) berkolar Nehru



(iii) berkolar Mandarin



Pakaian Pegawai Wanita Ketika Menjalankan Tugas

1. Pakaian kebangsaan rasmi (baju kurung tradisional/ baju kurung moden/ baju kebaya).



2. Pakaian Batik



3. Pakaian Ceongsam



4. Pakaian Sari



5. Pakaian Baju Punjabi



6. Blaus yang digayakan dengan skirt labuh atau seluar pajang



7. Sut dua helai (Two-piece suit)



8. Sut tiga helai (Three-piece suit)



LAMPIRAN C

Pakaian lain (baju korporat atau baju kerja lapangan)



Pakaian Dan Penampilan Yang Dilarang

1. Pakaian tidak kemas



2. Warna rambut yang tidak sesuai



3. Tren rambut yang tidak sesuai seperti punk, qaza' atau yang seumpamanya



3. Panjang janggut melebihi 2 inci, jambang tidak dirapikan dan misai melebihi bahagian atas bibir



4. Menindik secara berlebihan



5. Aksesori yang berlebihan



SOALAN LAZIM

ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Pakaian Pegawai Lelaki		
1.	Adakah pemakaian tali leher wajib dipakai disemua majlis rasmi atau tugas tertentu?	Ya. bagi pegawai Gred 5 dan ke atas atau gred setara, jenis pakaian yang ditetapkan ialah baju kemeja berlengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan bertali pinggang.
2.	Adakah pegawai lelaki boleh memakai kemeja bercorak seperti berjalur, berkotak atau polka dot?	Ya. Pegawai lelaki boleh memakai apa-apa kemeja bercorak dengan syarat corak tersebut kecil, tidak ketara dan tidak kelihatan canggung.
3.	Adakah pegawai lelaki dibenarkan memakai seluar dengan kaki seluar singkat di atas paras buku lali?	Tidak. Pegawai lelaki adalah tidak dibenarkan memakai seluar dengan kaki seluar singkat di atas paras buku lali.
4.	Adakah pemakaian kopiah dibenarkan semasa memakai pakaian Baju Kebangsaan?	Tidak. Baju Kebangsaan lengkap dengan sampung dan bersongkok hitam sahaja.
5.	Adakah pemakaian jubah dan kurta dibenarkan semasa bertugas?	Tidak. Walau bagaimanapun, pemakaian jubah atau kurta hanya dibenarkan pada majlis tertentu sahaja dengan kebenaran Ketua Jabatan.
Pakaian Pegawai Wanita		
6.	Adakah pegawai wanita dibenarkan memakai seluar dengan kaki seluar singkat di atas paras buku lali?	Tidak. Pegawai wanita adalah tidak dibenarkan memakai seluar dengan kaki seluar yang singkat di atas paras buku lali.
7.	Apakah jenis reka bentuk skirt labuh yang dibenarkan untuk dipakai ke pejabat?	Secara umumnya, etiket pemakaian hendaklah mencerminkan pakaian yang profesional dan sesuai dengan tugas di pejabat awam. Jenis reka bentuk skirt yang dibenarkan boleh dirujuk di Jadual 2 dan ilustrasi di Lampiran B Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam Negeri Sabah, manakala reka bentuk skirt yang tidak dibenarkan adalah seperti ropol, <i>pleated</i> , <i>pareo</i> , <i>gypsi</i> dan <i>tiered-skirt</i> .
8.	Apakah reka bentuk kasut yang dibenarkan bagi pegawai wanita?	Reka bentuk kasut yang dibenarkan adalah kasut pejabat yang bertutup (di hadapan dan belakang) dan digalakkan berwarna hitam atau gelap. Walau bagaimanapun, sekiranya kasut tersebut berwarna selain dari hitam atau gelap, hendaklah sepadan dengan warna pakaian. Ketinggian tumit bagi kasut wanita yang ideal adalah antara setengah (1/2) inci hingga tiga (3) inci. Walau bagaimanapun ketetapan ini adalah dikecualikan sekiranya mempunyai isu

"SABAH MAJU JAYA"

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		kesihatan dengan kebenaran Ketua Jabatan. Tapak kasut jenis <i>wedges</i> adalah tidak dibenarkan.
9.	Apakah pemakaian stoking yang sesuai untuk pegawai wanita?	Pemakaian stoking yang bersesuaian untuk pegawai wanita adalah berwarna coklat cair (<i>skin-color</i>) dan tidak boleh tebal seperti stokin sukan. Pegawai boleh memakai stokin nipis berwarna hitam jika berkasut hitam. Warna stoking selain daripada warna hitam dan coklat cair tidak dibenarkan.
10.	Apakah rekabentuk blaus yang tidak dibenarkan dipakai oleh pegawai wanita?	Rekabentuk blaus yang tidak dibenarkan adalah dari jenis kaftan, peplum atau selain gambar yang dipaparkan di dalam Pekeliling Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam Negeri Sabah. Selain itu, lengan blaus yang tidak dibenarkan juga adalah seperti <i>balloon</i> , <i>batwing</i> , <i>layered</i> dan sebagainya. Manakala blaus berkenaan hendaklah tidak terlalu besar atau labuh.
Pakaian Baju Batik		
11.	Adakah pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib jika enggan memakai pakaian batik Malaysia?	Tidak, kerana pemakaian Batik Malaysia hanya digalakkan dan tidak lagi diwajibkan pemakaiannya kepada Penjawat Awam Negeri.
12.	Adakah batik Malaysia termasuk batik dari Sabah dan Sarawak?	Ya. Batik Malaysia termasuk batik dari Sabah dan Sarawak.
13.	Adakah pemakaian baju kemeja batik berlengan pendek dibenarkan?	Tidak. Baju kemeja batik berlengan pendek adalah tidak dibenarkan.
14.	Adakah pegawai perubatan dan petugas kesihatan masih tertakluk dengan ketetapan pemakaian batik memandangkan pegawai klinikal memakai <i>lab coat</i> semasa bekerja?	Tidak, pegawai awam yang dibekalkan pakaian keperluan tugas seperti <i>lab coat</i> adalah dikecualikan daripada pemakaian pakaian batik Malaysia.
15.	Adakah pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam boleh memakai baju batik Malaysia?	Bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam adalah dikecualikan daripada pemakaian pakaian batik Malaysia. Walau bagaimanapun, kebenaran pemakaian batik Malaysia boleh diberikan oleh Ketua Jabatan berdasarkan kepada ketetapan dan kesesuaian masing-masing.
Pemakaian Tanda Nama		
16.	Adakah pegawai awam yang berkhidmat di Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri	Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri tidak dihalang untuk menggunakan logo organisasi pada tanda nama masing-masing. Walau bagaimanapun, tatacara

"SABAH MAJU JAYA"

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	dibenarkan menggunakan logo organisasi pada tanda nama masing-masing memandangkan penggunaan Jata Persekutuan tidak dibenarkan?	ini adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.
17.	Adakah Pegawai Awam Persekutuan yang berkhidmat di pejabat Kerajaan Negeri perlu memakai tanda nama dengan Jata Persekutuan?	Tidak perlu. Pegawai tersebut perlu mematuhi pemakaian tanda nama yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
18.	Sekiranya pegawai Persekutuan yang ditempatkan di agensi Persekutuan di negeri seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), adakah pegawai perlu memakai tanda nama dengan Jata Persekutuan?	Ya, kerana pegawai tersebut adalah merupakan pegawai Persekutuan yang bertugas di jabatan Persekutuan yang terletak di negeri.
19.	Adakah pemakaian tanda nama dengan Jata Negeri pada pakaian seragam anggota keselamatan dibenarkan?	Pemakaian tanda nama dengan Jata Negeri adalah dikecualikan bagi anggota keselamatan yang dibekalkan pakaian seragam.
20.	Adakah tanda nama jenis epoxy dibenarkan?	Ya, tanda nama jenis epoxy adalah dibenarkan.
21.	Adakah tulisan pada tanda nama perlu ditebalkan (bold) atau tidak?	Tiada halangan sama ada tulisan pada tanda nama ditebalkan atau tidak.
22.	Adakah tanda nama jenis magnet, pin atau apa-apa jenis penyemat lain dibenarkan?	Ya, tanda nama jenis magnet, pin atau apa-apa jenis penyemat lain adalah dibenarkan.
23.	Adakah warna latar belakang Jata Negeri pada tanda nama dibenarkan selain warna putih?	Tidak dibenarkan.

"SABAH MAJU JAYA"